

9 MAC 2018

Polis bongkar kes dadah 'perisa buah-buahan'

22

SENTRAL



Hamzah menunjukkan dadah yang dirampas.

Polis bongkar kes dadah 'perisa buah-buahan'

AMPANG - Polis membongkar sindiket memproses serbuk minuman perisa buah-buahan yang dipercayai dicampur dengan dadah ecstasy, selepas berjaya menahan tiga individu termasuk dua wanita dalam serbuan di sebuah rumah di Pandan Indah, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, dalam serbuan kira-kira jam 2.30 petang itu, seorang lelaki berusia 40-an dipercayai sebagai dalang ditahan bersama dua pekerjanya iaitu dua wanita warga Vietnam berusia 20-an dan 60-an.

"Kita merampas peralatan yang digunakan untuk memproses bahan tersebut. Kita turut menemui serbuk dadah seberat 5,116 gram, 21.4 gram ketamin dan dua ketulan mampat ganja yang keseluruhannya berjumlah RM514,330," katanya.

Beliau berkata, paket minuman dadah ini juga dipercayai untuk dipasarkan

kepada kanak-kanak sekolah di sekitar Ampang dan Kuala Lumpur.

"Kita percaya kumpulan ini menggunakan taktik baharu dengan mengedar dadah dalam bentuk serbuk minuman supaya kegiatan mereka sukar dikesan pihak berkuasa.

"Kita meminta orang awam supaya berwaspada dengan bahan-bahan yang baharu ini supaya tidak terjebak dalam penagihan dadah," katanya.

Dalam perkembangan kes berasingan, polis turut memberkas 10 individu termasuk dua wanita di sebuah rumah di Pandan Indah yang disyaki dijadikan lokasi memproses air ketum, kelmarin.

Hamzah berkata, polis merampas 13 bungkus plastik berikat yang berisi cecair disyaki air ketum

"Kita turut merampas dua beg plastik yang berisi daun disyaki daun ketum serta peralatan memproses air ketum. Nilai rampasan dianggarkan RM790," katanya.